



KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

MOD.100-2/1/2 Jld 6 (50) 04/07

MENAIKTARAF INFRASTRUKTUR DAN MENINGKATKAN SOSIO-EKONOMI DI KAMPUNG BARU PASAK, KOTA TINGGI MELALUI PROGRAM KAMPUNG ANGKAT MADANI

1. **KOTA TINGGI, 15 Julai 2024** - Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, **YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak** telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kampung Baru Pasak, Kota Tinggi, Johor sempena Program Kampung Angkat MADANI Kementerian Pertahanan (MINDEF), hari ini.
2. Ketibaan Ketua Setiausaha (KSU) MINDEF telah disambut oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pengurusan), Dato' Haji Ismail bin Haji Abu dan Pegawai Daerah Kota Tinggi, Tuan Haji Ahmad Nazir bin Haji Mohd Nasir.
3. Semasa lawatan, KSU MINDEF telah menerima taklimat daripada Pegawai Daerah Kota Tinggi, Jurutera Daerah Kota Tinggi, Ir. Ts. Mazman bin Mohamad; Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran Angkatan Tentera Malaysia (JHEV ATM) Cawangan Negeri Johor, Mejar Johadi bin Jema'at dan Bahagian Khidmat Pengurusan, MINDEF, Encik Shaiful bin Isa. Seterusnya, KSU MINDEF dibawa melawat ke beberapa tapak cadangan projek.
4. Bagi menyahut Program Kampung Angkat MADANI yang diperkenalkan melalui Belanjawan 2024 baru-baru ini, MINDEF telah merangka **10 inisiatif khusus bagi penduduk di Kampung Baru Pasak, Kota Tinggi, Johor** dan menerima peruntukan daripada Kementerian Kewangan sebanyak **RM2.5 Juta** bagi memastikan program ini berjaya.
5. Melalui inisiatif yang telah digariskan ini, **MINDEF menyasarkan peningkatan taraf hidup penduduk desa** yang akan dapat **merapatkan lagi jurang perbezaan antara masyarakat desa dan bandar** dengan melengkapkan kemudahan asas di kawasan desa yang terpinggir secara holistik.
6. **Kesan** daripada pelaksanaan program ini, **sebanyak 152 buah keluarga dan seramai 600 orang isi rumah** akan menerima manfaat dalam tahun ini. Selain itu, projek ini juga akan dipantau sepenuhnya oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan **keseluruhan projek berjalan mengikut garis masa yang telah dipersetujui iaitu pada Disember 2024**.

7. Turut hadir dalam sesi lawatan ini adalah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MINDEF, YBhg. Datin Roszanina binti Wahab; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Johor Lama, YB Cik Norlizah binti Noh; ADUN Sedili, YB Tuan Muszaide bin Makmor; Ketua Kampung Seluyut dan Rangkaian, YBrs. Encik Mohd Ridzwan bin Midi; pegawai-pegawai kanan MINDEF, pegawai-pegawai JHEV ATM, wakil-wakil pelaksana projek dan penduduk kampung.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”

Kementerian Pertahanan Malaysia

15 Julai 2024